



PROGRAM PEMBANGUNAN RUMINAN (PROPER ONLINE)

Version: 1.0

PEMOHON



DOKUMEN KAWALAN

Maklumat Umum

Nama Dokumen	:	Manual Penggunaan PROPER ONLINE
Untuk	:	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Tarikh Disediakan	:	2017
Tarikh Dikemaskini	:	2017
Rujukan	:	-
Versi	:	1.0



KANDUNGAN

1.1 PENGENALAN.....	4
1.2 TUJUAN DOKUMEN.....	4
1.3 KEPERLUAN SISTEM	4
1.4 MEMULAKAN PENGUNAAAAN SISTEM PROPER ONLINE	5
1.5 LOG MASUK KE SISTEM	6

1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

PROPER dibangunkan dengan bertujuan menstabilkan dan meningkatkan bilangan induk ternakan lembu serta kambing/bebiri dalam negara yang sekarang nini berda pada tahap yang rendah (450,000 ekor lembu dan 209500 kambing/bebiri) berbanding kadar sembelihan yang semakin meningkat tahun demi tahun (135,000 ekor lembu/kerbau setahun dan 80,000 ekor kambing/bebiri setahun). Ini ditambah pula dengan prestasi kadar kelahiran purata ternakan ruminan yang rendah (<50% setahun bagi lembu dan <90% setahun bagi kambing/bebiri). Keadaan ini boleh menyebabkan pertumbuhan negatif terhadap populasi ternakan ruminan negara.

Sehubungan itu, satu sistem pemilihan berasaskan web telah dibangunkan bagi menyelaraskan proses permohonan dan pemilihan penternak secara atas talian *online* dengan menggunakan komputer dan teknologi ICT.

1.2 TUJUAN DOKUMEN

Dokumen ini bertujuan untuk menyediakan cara-cara permohonan dan pengisian Borang Permohonan PROPER secara di atas talian.

1.3 KEPERLUAN SISTEM

Berikut adalah spesifikasi keperluan sistem bagi melayari Sistem ini:

- a. Google Chrome 4.0 ke atas
- b. Internet Explorer 7.0 ke atas
- c. Capaian Internet atau Rangkaian Setempat (LAN)


1.4 MEMULAKAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN PROPER ONLINE

Bagi memulakan penggunaan sistem ini, pengguna perlu mengikuti langkah-langkah seperti berikut:

1. Untuk mengakses ke sistem ini, pengguna perlu memulakan dengan membuka aplikasi pelayar web seperti **Google Chrome** atau **Internet Explorer** kemudian memasukkan alamat URL seperti berikut :


PEMOHON

<http://svm.dvs.gov.my/apps/proper/index.html>



Gambarajah 1: pelayar web (PERMOHONAN)


2. Di bawah adalah laman Borang Permohonan **PROPER** mengikut pilihan jenis ternakan. Sila klik pilihan yang berkaitan.



Gambarajah 2: Laman Borang Permohonan PROPER (PEMILIHAN)

1.5 LOG MASUK KE SISTEM

Setelah pemilihan dilaksanakan, pengguna akan dapat melihat paparan seperti dibawah.



BORANG PERMOHONAN PROPER KATEGORI LEMBU PEDAGING

SILA ISIKAN MAKLUMAT DI BAWAH DAN KLIK SEMAK:

NO KAD PENGENALAN

NO PENDAFTARAN PREMIS

Sila masukkan **Kad Pengenalan**

Sila masukkan **No. Pendaftaran Premis**

CATATAN:
SEKIRANYA ANDA BELUM MEMPUNYAI NO PENDAFTARAN PREMIS DENGAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
SILA KE PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAERAH YANG BERDEKATAN UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Gambarajah 3: Daftar masuk sistem

Setiap pengguna akan menggunakan **Kad Pengenalan** dan **No. Pendaftaran Premis** yang telah ditetapkan untuk akses ke sistem ini.

Contoh :

No Kad Pengenalan : 801010125555

No Pendaftaran Premis : T00207

Setelah Berjaya akses ke sistem, pengguna akan dipaparkan dengan halaman **Keputusan Semakan Premis** seperti dibawah. Seterusnya pengguna perlu terus klik ke pautan **SAHKAN** (*anak panah berwarna merah*) untuk terus ke halaman **Keputusan Semakan Permohonan** seperti di gambarajah 5.

KEPUTUSAN SEMAKAN PREMIS


NO PREMIS : T00274
NO KAD PENGENALAN : 641106115245
NAMA : ZAWAWI BIN ISMAIL
ALAMAT PREMIS : KG.SURAU HJ.MAT ZIN BUKIT PAYONG

 **Sahkan** **Batal**

Gambarajah 4 : Keputusan semakan premis


KEPUTUSAN SEMAKAN PERMOHONAN

ANDA HANYA LAYAK UNTUK MEMBUAT SATU PERMOHONAN BAGI SETIAP JENIS TERNAKAN UNTUK TAHUN INI
SILA TERUSKAN DENGAN MENEKAN BUTANG DI BAWAH

Teruskan  Sila Klik "Teruskan"

Gambarajah 5 : Keputusan Semakan Permohonan

Sila klik butang **TERUSKAN** seperti di gambarajah 5 untuk ke halaman **Borang Permohonan Proper** seperti di bawah.



BORANG PERMOHONAN PROPER KATEGORI LEMBU PEDAGING

NO PREMIS: T00274
NAMA: ZAWAWI BIN ISMAIL
NO KAD PENGENALAN: 641106115245
ALAMAT PREMIS: KG.SURAU HJ.MAT ZIN BUKIT PAYONG
ALAMAT SURAT MENYURAT:

NEGERI: -- PILIH NEGERI --
PARLIMEN: -- PILIH PARLIMEN --
NO TELEFON:
TARIKH LAHIR: -- PILIH TARIKH --
STATUS MENTERNAK: -- PILIH STATUS --
TAHAP PENDIDIKAN: -- PILIH PENDIDIKAN --
BAKA: -- PILIH BAKA --
POPULASI INDUK (EKOR): -- PILIH POPULASI --
LUAS KAW. HOMLOT: -- PILIH LUAS --
STATUS TANAH HOMLOT: -- PILIH STATUS --
LUAS KAW. RAGUTAN: -- PILIH LUAS --
STATUS TANAH RAGUTAN: -- PILIH STATUS --
NAMA KURSUS BERKAITAN PERNAH DIHADIRI:
TAHUN HADIR KURSUS: -- PILIH TAHUN --

DAERAH: -- PILIH DAERAH --
DUN: -- PILIH DUN --
EMEL:
MULA MENTERNAK: -- PILIH TARIKH --
PENDAPATAN TAHUNAN: -- PILIH PENDAPATAN --
STATUS KANDANG: -- PILIH STATUS --
SAIZ KANDANG: -- PILIH SAIZ --

☐ SAYA MENGAKUI SEMUA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR.

Gambarah 6 : Borang Permohonan Proper

Setelah borang lengkap diisi, pengguna boleh terus klik butang **TERUSKAN** untuk menghantar permohonan. Permohonan yang lengkap akan terus direkodkan dan paparan seterusnya adalah seperti di bawah.



PPROSES MAKLUMAT PEMOHON PROPER

PERMOHONAN ANDA DALAM PROSES DIDAFTARKAN DALAM SISTEM PERMOHONAN PROPER.
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

SILA TEKAN BUTANG DI BAWAH UNTUK LENGKAPKAN PROSES SELANJUTNYA....

Gambarajah 7 : Halaman Proses Maklumat Pemohon Proper

Bagi melengkapkan proses permohonan, sila klik butang **TERUSKAN**.

PROSES MAKLUMAT PEMOHON PROPER

PERMOHONAN ANDA TELAH DIDAFTARKAN DALAM SISTEM PERMOHONAN PROPER
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

SILA TEKAN BUTANG DI BAWAH UNTUK LENGKAPKAN PROSES PERMOHONAN ANDA!

Teruskan

Gambarajah 8 : Halaman terakhir Proses Maklumat Pemohon Proper